



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/04/04_27 (HQ)

TNB MENGUKUHKAN LAGI KOMITMEN TERHADAP PERTUMBUHAN DAN KEMAMPANAN TENAGA BOLEH BAHARU DENGAN MEMPEROLEHI PORTFOLIO TENAGA ANGIN DALAM PESISIR 97.3MW DI UK

Anak syarikat milik penuh **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, Vantage RE Ltd. (Vantage RE) telah menyelesaikan pengambilalihan 100% kepentingan dalam portfolio tenaga angin dalam pesisir 97.3MW di United Kingdom (UK), daripada firma pengurusan aset global bebas yang juga antara peneraju pelabur tenaga bersih dunia, Capital Dynamics dengan pertimbangan berjumlah GBP145.9 juta.

Pengambilalihan itu, selepas langkah sulung memasuki pasaran angin luar pesisir di UK pada Oktober lalu, menandakan satu lagi pencapaian penting strategi TNB untuk mengembangkan portfolio tenaga boleh baharu (RE) globalnya, sambil mengukuhkan kewujudannya dalam pasaran tumpuan.

Portfolio terbaru ini merangkumi ladang angin daratan yang beroperasi di 11 tapak di UK, dibangunkan di bawah skim subsidi Renewable Obligation Certificate (ROC) dan Feed-in Tariff (FiT), sekali gus dijangka memberikan pulangan stabil dalam jangka panjang. Apabila proses pengambilalihan selesai, Vantage RE bakal meningkatkan kapasiti REnya sebanyak 23% daripada 433MW kepada 530MW. Malah, penambahan kapasiti angin daratan ini mempelbagaikan kombinasi teknologi RE Vantage RE yang turut meningkatkan keseimbangan profil portfolio penjanaan tenaga elektriknya sepanjang tahun.

"Pemerolehan ini menandakan kejayaan berterusan TNB dalam pelaksanaan strateginya untuk mengembangkan portfolio di pasaran tumpuan kami seperti UK dan Eropah, sambil mempercepatkan perjalanan memenuhi visi global Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TNB, Datuk Ir. Baharin Din. "Kami berkeyakinan penuh terhadap tanggungjawab semula jadi ke arah dunia yang lebih baik dan kehidupan yang lebih sejahtera (better world and brighter lives) berlandaskan aspirasi TNB menuju pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050. Hala Tuju Kelestarian TNB ini didukung oleh komitmen kami untuk mengurangkan 35% intensiti pelepasan karbon serta 50% daripada kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035."

Menurut Baharin, pemerolehan strategik aset operasi tambahan itu yang disokong oleh skim subsidi akan membolehkan TNB mendapat manfaat sepenuhnya daripada kestabilan pulangan dan membina daya tahan kewangan dalam mengharungi cabaran ekonomi yang diburukkan oleh Covid-19. Di samping itu, ia akan menggerakkan TNB selangkah lagi dalam peralihan tenaga ke arah penjanaan tenaga boleh baharu masa depan, yang rendah karbon selaras dengan Hala Tuju Kelestarian TNB dan visi ESG keseluruhannya.

Menekankan kepentingan membangunkan keupayaan dalaman bagi menjamin pencapaian pertumbuhan RE dan penciptaan nilai, beliau berkata: "Pembangunan keupayaan dalaman secara

berterusan adalah penting dalam merebut peluang pasaran angin dalam pesisir peringkat global dan meningkatkan nilai melalui kecemerlangan operasi. Dengan memperolehi portfolio ini, kami membina platform bagi meluaskan penguasaan teknologi angin dalam pesisir dan mengembangkan lagi keupayaan dalam merentasi Kumpulan.”

Ketua Pegawai Eksekutif Vantage RE, Vian Davys berkata: “Kami berbesar hati untuk mengumumkan pemerolehan baru bagi portfolio angin dalam pesisir, yang membolehkan kami memperkasakan kegiatan mengurus dan mengendalikan turbin angin lebih besar di UK. Kami mendalami dan memperincikan potensi aset serta keupayaan mewujudkan nilai yang dapat memastikan setiap pelaburan strategik itu menjamin pengukuhan pulangan dan sumbangan kewangan. Ini adalah petanda penting kepada Vantage RE dan TNB dalam membangunkan keupayaan dalamannya dalam bidang angin daratan.”

Sementara itu, Pengarah Urusan dan Ketua Bersama Pasukan Tenaga Bersih Capital Dynamics, Dario Bertagna, berkata: “Peluang bekerjasama dengan TNB dalam urusan ini merupakan satu keistimewaan. Kami menyokong sepenuhnya cita-cita pertumbuhan tenaga boleh baharu TNB. Sebagai antara pelabur utama tenaga boleh baharu dunia, kami ingin mendapat peluang untuk terus bekerjasama dengan TNB dalam mana-mana projek pada masa depan.”

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 4 April 2022, jam 2:30 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433

atau emel kami: media@tnb.com.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan penglibatan antarabangsa di United Kingdom, Kuwait, Turki, Arab Saudi, Pakistan dan India. Dalam bidang tenaga boleh baharu, setakat Oktober 2021, TNB mempunyai portfolio sebanyak 2,771.4MW di Malaysia dan 714.4MW di seluruh UK, Turki dan India terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro.

Mengenai Capital Dynamics Limited

Capital Dynamics ialah firma pengurusan aset global bebas menumpukan kepada aset persendirian, termasuk ekuiti persendirian (utama, pelaburan bersama sekunder), kredit persendirian dan tenaga bersih. Diwujudkan pada tahun 1988, firma ini mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas dalam membangunkan penyelesaian yang memenuhi kepelbagaiannya keperluan pelanggan global yang merupakan institusi pelaburan mahu pun pelabur persendirian. Sehingga suku keempat 2021, Capital Dynamics menyelia lebih USD 13 bilion nilai aset di bawah pengurusan dan nasihatnya, serta menggaji 160 profesional di seluruh dunia, yang merentasi 14 pejabat di Eropah, Timur Tengah, Amerika Utara dan Asia. Capital Dynamics ialah peneraju industri yang diiktiraf dalam pelaburan yang bertanggungjawab, dengan mendapat penilaian tertinggi daripada UNPRI untuk Strategi & Tadbir Urus Korporat serta strategi pelaburannya. Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.capdyn.com